

# ETR 300

## PHYSIOTHERAPY AND PSYCHOLOGY CENTRE

DISEDIAKAN UNTUK:

ENCIK KHAIRUL ANWAR SUBARI  
PENSYARAH ETR 300

DISEDIAKAN OLEH:

RUHI FADZLYZA BT JAILANI	94136542
NORHAYATI BT ISMAIL	94984972
JUARIAH BT OTHMAN	94545902
RAHMAWATIRA ABD RAHMAN	95735611

DIS 05B

25 OGOS 1997

## ISI KANDUNGAN

	<i>Mukasurat</i>
<i>Muqaddimah</i>	<i>i</i>
<i>Surat</i>	<i>ii</i>
<i>Surat Penyerahan Rancangan Perniagaan</i>	<i>iii-iv</i>
<i>Isi Kandungan</i>	<i>v</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>vii</i>
<i>Pengertian logo</i>	<i>vii</i>
<i>Sinopsis</i>	<i>viii</i>
<i>Surat Perjanjian Perkongsian</i>	<i>ix-xii</i>
<i>Pengenalan</i>	<i>1</i>
<i>Tujuan</i>	<i>2</i>
<i>Latar Belakang Projek</i>	<i>3</i>
<i>Latar Belakang Perkongsian</i>	<i>4-5</i>
<i>Latar Belakang Rakan Kongsi</i>	<i>6-9</i>
<i>Rancangan Pemasaran</i>	<i>10-23</i>
<i>Rancangan Operasi</i>	<i>24-32</i>
<i>Rancangan Pentadbiran</i>	<i>33-46</i>
<i>Rancangan Kewangan</i>	<i>47-69</i>
<i>Appendik</i>	

## **SINOPSIS**

Perusahaan ini ditubuhkan dibawah perniagaan perkongsian yang mana terdiri daripada 4 orang rakan kongsi dan projek ini diberi nama *Physiotherapy and Psychology Centre*.

Aktiviti utama yang kami jalankan ialah memberi perkhidmatan terapi dan nasihat kepada para pesakit di negeri Perlis amnya. Namun pesakit yang datang luar dari negeri Perlis amat dialu-alukan. Bagi memudahkan pesakit yang menghadapi kesukaran untuk datang menjalani rawatan, kami menyediakan perkhidmatan ke rumah apabila dipanggil. Walaupun kos perkhidmatan pesakit akan bertambah, namun ia masih ditahap yang berpatutan.

Pusat perkhidmatan kami terletak di Kangar, Perlis kerana kedudukannya yang strategik dimana segala kemudahan infrastruktur yang lengkap boleh diperolehi. Ini memudahkan pesakit untuk datang kerana perkhidmatan bas dan teksi banyak disediakan malah perhentian bas dan teksi berdekatan dengan pusat rawatan kami.

## **PENGENALAN**

Projek utama yang ingin kami usahakan ini adalah memberi khidmat terapi dan nasihat bagi penduduk Perlis khususnya.

Perkhidmatan ini wujud berikutan tiada lagi yang seumpamanya di negeri Perlis selain daripada Hospital Besar Kangar. Ini meyakinkan kami bahawa projek yang kami usahakan ini memberi manfaat yang berguna kepada masyarakat yang amat memerlukan khidmat terapi dan nasihat ini.

Seiring dengan kemajuan teknologi masa kini, kami menyediakan mesin-mesin yang canggih dalam membantu pesakit. Kajian membuktikan bahawa perkhidmatan terapi berjaya menyelesaikan atau mengurangkan derita yang pesakit-pesakit tanggung selama ini. Selain itu pakar khidmat nasihat yang kami sediakan dapat membantu mengurangkan tekanan jiwa yang seakan menjadi satu fenomena kebanyakan masyarakat moden hari ini. Oleh kerana itu khidmat terapi dan nasihat digabungkan sekali dengan keduanya mempunyai kaitan yang rapat.

Setiap penyakit ada ubatnya. Maka dengan itu kami akan menyediakan perkhidmatan yang terbaik sehingga pesakit benar-benar sembuh supaya mereka boleh menjalani kehidupan yang selesa.

## LATAR BELAKANG PERKONGSIAN

Nama Syarikat:

*Physiotherapy And Psychology Centre*

Alamat Syarikat:

*No. 13, Tingkat 1 dan 2, Lorong Medan,  
01000 Kangar, Perlis*

Alamat Surat Menyurat:

*Seperti diatas*

Telefon:

Bentuk Syarikat:

*Perkongsian*

Kegiatan Utama:

*Memberi perkhidmatan terapi dan kaunseling*

Tarikh Memulakan Perniagaan:

*1 Januari 1998*

Nombor Pendaftaran:

Modal Perniagaan: *RM 80,000*